



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 43
No. 17

26hb Ogos 1999

TAMBAHAN No. 45
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 303.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, menurut subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], selepas dibincangkan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, dan adalah disiarkan menurut subseksyen itu.

JADUAL/SCHEDULE
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN HARTA SESEORANG MUALAF YANG TELAH
MENINGGAL DUNIA

1. Apabila seseorang Mualaf meninggal dunia tanpa meninggalkan waris maka hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
2. Apabila seseorang Mualaf meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang beragama Islam maka hartanya hendaklah dibahagikan mengikut sistem pembahagian faraid.

3. Apabila seseorang Mualaf meninggal dunia dengan meninggalkan waris-waris yang tidak beragama Islam maka waris-waris yang tidak beragama Islam tidak berhak mewarisi harta si mati.

Bertarikh 20 Ogos 1999.

Dated 20 August 1999.
[JAWI/A/145; PN(PU)530/II]

DATO' MD. HASHIM BIN YAHYA
Mufti
Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Federal Territories



فَلَاتَ مُقْتَدِيٌ وَلَا فَرِسْكُونَار
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN